



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 27 JANUARI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LEARN FROM THAILAND FOR SALES TECHNIQUE TO PROMOTE MALAYSIAN AGRICULTURE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	STRICT EXAMINATION AGAINST SMUGGLING OF PORK PRODUCTS, NATION, CHINA PRESS -A12	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3. 4.	NELAYAN TAK BERANI TURUN LAUT, SETEMPAT, SH -38 FISH FARMING OPERATOR SUFFER OVER THE TEMPORARY LAND LEASE FEES SOAR, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A32	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
5. 6.	PELADANG KUALA LANGAT MAKIN 'PINTAR, INOVASI, BH -12 LADANG SATELIT BANTU PETANI DALAMI TEKNOLOGI, INOVASI, BH -13	PERTUBUHAN PELADNG KEBANGSAAN (NAFAS)
7.	TANGANI PENCEROBOHAN PERAIRAN NEGARA, TENGAH, SINAR -17	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
8.	INGIN BERAS, INGAT BERAS WANGI MARDI, METRO AHAD -3	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
9.	4 KEMENTERIAN BINCANG ISU MINYAK SAWIT MINGGU DEPAN, DASAR & PENTADBIRAN, BH -6	LAIN – LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Learn from Thailand for sales technique to promote Malaysian Agriculture		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	27 Jan 2019	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A16	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	192 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,455
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,364



学泰行销手法 搞好大马农业

(曼谷 26 日讯) 大马拟向泰国取经，借着学习泰国先进的农业技术与行销手法，搞好我国农业领域。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，泰国是世界主要的农业强国，泰国农民营销组织更是全球农业行销方面的佼

佼者。

“大马应向泰国学习，泰国在农业及农基工业领域非常成功，最重要的是，该国如何行销他们的农产品。”

他说，这可从泰国农民营销组织获美国有线电视旅游评选为 2017 年全球第四佳新鲜

农产品市场，看出一班。

“我们必须创造属于大马的农民营销组织。我已拟订一个指南，让联邦农业销售局设立一家霸级市场，好让我国在近期内或今年抄行销我国最好的食品。

“泰国农民营销组织是一

家世界级的行销中心，我们必须急起直追，以便我们的农产品可在国内外更有效的行销。

“我们必须革新我们的农业，联邦农业销售局也将在今年抄提升吉隆坡的农业市集。”

日前陪同副首相拿督斯里旺阿兹莎医生出访泰国的沙拉胡丁，昨日在结束行程时，在记者会上如是表示。

Headline	Strict examination against smuggling of pork products		
MediaTitle	China Press		
Date	27 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	233,713
Page No	A12	Readership	1,076,000
Language	Chinese	ArticleSize	403 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,949
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,847



A12 **中國報** CHINA PRESS ◆ 國內新聞

嚴查行李 攔豬肉產品

防止非洲豬瘟入境



(吉隆坡26日訊) 为防止非洲猪瘟疫扩散至我国, 政府将严格把关, 包括提高国际机场入境处的验查率, 严检航空旅客是否手提猪肉类产品入境!

农历新年将至, 往返国内外的旅客数量将大增, 尤其是在农历新年前後, 也是旅客携带违规物品入境的高峰期。为避免受到对付, 旅客受促勿携带违规物品。

农业与农基工业部副部长沈志勤也将于本月28日(周一)下午, 亲自到第二吉隆坡国际机场了解当局的检查情况, 同时也会率队巡视关税的检查工作。

暫停6國進口產品

不过, 沈志勤在接受《中国报》访问时, 没有进一步透露详情, 仅表明会在当天召开记者会说明。

根据外媒报导, 台湾早前也大幅调高旅客违例携带猪肉食品入境的罚则, 避免非洲猪瘟疫扩散。

农业与农基工业部早前暂停从6个国家进口生猪与冷冻猪肉产品, 如今再增加5种暂禁的猪肉产品, 包括猪肉罐頭、香肠肠衣、切片猪肉、烟熏火腿和猪肉酶。

该部曾於9月7日宣布, 由於非洲猪瘟疫在多个国家肆虐, 我国将暂停从6个国家进口生猪与冷冻猪肉产品, 包括中国、波兰、俄罗斯、匈牙利、摩尔多瓦共和国和乌克兰。

根据网上搜查, 入口我国的动物和家禽的肉、骨头、兽皮、毛发、蹄、角、内脏或任何部分都需要申请入口准证或许可证。



Alauddin Ali bersama nelayan bot fiber yang lain terpaksa berehat sehinggalah keadaan cuaca kembali normal.

Nelayan tak berani turun laut

Walaupun laut kelihatan tenang, namun gelombang besar gusarkan nelayan cari rezeki

NURUL ZAILA MOHD TAHIR

DUNGUN

Walaupun laut kelihatan tenang tetapi musim sekarang masih berbahaya dan berisiko kepada nelayan.

Nelayan khususnya pemilik bot fiber terpaksa berehat dan sebahagian mencari pekerjaan alternatif lain untuk menyara kehidupan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Daerah Dungun, Alauddin Ali berkata, boleh dikatakan 95 peratus nelayan di daerah ini tidak dapat ke laut pada masa sekarang yang masih berada dalam musim tengkujuh.

Menurutnya, hanya sebahagian kecil khususnya nelayan bot besar yang berani meredah gelombang untuk mendapatkan bekalan hasil laut kepada pelanggan.

"Walaupun dari daratan kelihatan laut tenang tetapi musim sekarang gelombangnya masih besar.

"Memang nelayan bot fiber tidak berani kerana hanya menempah maut jika tetap keluar menangkap ikan.

"Keadaan begini akan berterusan sehingga Mac atau selepas raya Cina dan mungkin juga sehingga ke April," katanya.

Jelasnya, walaupun tiada sumber pendapatan, nelayan terpaksa reda dan memang sudah menjadi kebiasaan keadaan ini dihadapi mereka.

"Ada sebahagiannya membuat kerja sampingan dan selebihnya terpaksa menunggu keadaan cuaca kembali normal.

"Kebanyakan nelayan juga tidak mahir dalam pekerjaan lain dan hanya menunggu sehinggalah keadaan laut tidak lagi berbahaya," katanya.

Hasil udang berkurangan

Alauddin berkata, situasi sekarang juga dikatakan sebagai musim udang tetapi bekalan yang ada kurang memberangsangkan tahun ini.

"Nelayan pukat tunda yang memburu udang tetapi tahun ini tidak ramai yang ke laut.

"Hasilnya juga kurang memberangsangkan jika dibandingkan dengan tahun lepas disebabkan pelbagai faktor termasuk aktiviti mengorek pasir menyebabkan hasil

udang berkurangan," katanya.

Bot besar berani turun laut

Sementara itu, Tekong bot besar, Taha Mohd Amin, 63 berkata, bot seberat 35 tan berperanan mendapatkan bekalan ikan di laut untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Menurutnya, walaupun kurang berisiko tetapi jika berlaku gelombang besar di tengah laut, anak-anak buah yang bekerja tetap berisiko gadai nyawa.

"Kalau angin kuat tak pergi juga tetapi kalau tengah laut tiba-tiba angin kuat terpaksa redah dan mengharung bahaya.

"Sekali turun, nelayan akan pulang dalam tempoh tiga atau empat hari.

"Mereka menangkap ikan dengan cara memancing dengan kekuatan tujuh hingga lapan orang," katanya.

Katanya, sekali mendarat anak buahnya akan membawa naik hasil tangkapan lebih kurang 1,800 kilogram ikan.

"Walaupun tidak ramai nelayan dapat turun ke laut pada musim ini, keuntungan diperoleh tidaklah berganda.

"Harga ikan segar memang lagi tinggi sekarang dan bolehlah kita kait keuntungan lebih sikit," katanya.



Taha melihat pekerja bersiap sedia untuk keluar menangkap ikan.



Hasil tangkapan udang berkurangan disebabkan pelbagai faktor.



Bot fiber terpaksa direhatkan walaupun cuaca kelihatan tenang.

Headline	Fish farming operator suffer over the temporary land lease fees soar		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	27 Jan 2019	Color	Black/white
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A32	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,479
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,437



临时地契费用飙涨 养鱼业者叫苦

威南26日讯 | 高渊港口海上养鱼公会主席张展来指今年海上养鱼场临时地契(TOL)费用飙涨4倍,原本去年2400令吉的临时地契费用,今年得缴交逾9600令吉,这沉重的调涨让业者苦不堪言。

他说,以拥有300格海上箱网面积举例,在2008年308大选前仅需缴纳450令吉临时地契税。希盟执政槟州后涨至2400令吉,今年又以测量面积来评估,竟飙涨至9600令吉。

他希望州政府体谅养鱼业的苦境,别再加重业者的重担。

他是在周五晚出席该会主办「心手相助贫寒子弟压岁钱」会上,向媒体如是表示。当晚派出压岁钱予50名贫寒子弟,每位学生获得88令吉。

他指出,业者面对多方问题,如鱼饲料、员工薪金和柴油高涨问题,再加上海域污染鱼苗成长率减低,导致成本飙升,今年再面对临时地契租费狂飙高达4倍,希望该区州议员能协助解决临时地契费用飙升的问题。

他也说,高渊港口逾100名渔民的渔民生活津贴于4个月前被冻结、18艘渔船的燃油补贴也被取消,导致这批渔民的生活百上加斤,有者更以借贷来过日子和为渔船添油出海。

双溪亚齐州议员祖基菲里受询时说,在获悉业者及渔民的情况后,他已两度上书反映,但当局没给予任何反应,尤其是取消真正渔民津贴的问题。

他透露,农业部长沙拉胡丁将会在今年3月莅访檳城,届时他将安排渔民与部长面对面交流,反映困境。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2019	BERITA HARIAN	INOVASI	12



Norhashim menggunakan teknologi 'Smart Fertigasi' iaitu pembajaan dan pengairan secara serentak terus ke akar pokok yang boleh dikawal dengan aplikasi telefon bimbit.



Ladang cili Norhashim di Kuala Langat, Selangor.

Peladang Kuala Langat makin 'pintar'

➔ Norhashim buktikan 'Internet of Things' mampu lipat gandakan pendapatan sehingga 80 peratus

Fakta nombor

4 KEBUN
cili dimiliki Norhashim

Oleh **Norhafzan Jaafar**
hafzan@bh.com.my

■ Kuala Langat

Apabila kerajaan menyarankan petani dan peladang kecil mempelbagaikan sistem pertanian bagi memaksimumkan hasil pengeluaran dan pasaran, mungkin ada yang mempersoalkan kesediaan golongan itu mengguna pakai dan mengadaptasi teknologi asing. Namun, petani muda dari Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Selangor, Norhashim Kamisan, 35, sudah membuktikan peladang luar bandar bukan saja sudah bersedia memanfaatkan Internet of Things (IoT) tetapi mampu melipatgandakan pendapatan sehingga 80 peratus, berbanding ketika mula terabit dalam penanaman cili, 13 tahun lalu. Meskipun sekadar memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM),

Norhashim membuktikan dirinya mampu menggunakan teknologi terkini untuk meneruskan projek tanaman cili yang ketika di awal pembabitannya hanya dilakukan secara separuh masa. Malah, tiada dalam kalangan ahli keluarganya terabit dalam bidang pertanian ketika beliau yang sebelum ini bekerja sebagai penghantar cepat (despatch rider), mengambil keputusan untuk menanam cili. Sejak tahun lalu, Norhashim mengorak langkah lebih maju apabila dua daripada empat kebun cili miliknya, masing-masing seluas 1.2 hektar menggunakan teknologi fertigasi pintar yang membolehkan beliau mengawal dan memantau tanaman dari jarak jauh hanya menerusi telefon pintar. "Semuanya bermula dengan hasil perbincangan dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang menawarkan saya bantuan teknologi untuk dimanfaatkan dalam

penanaman cili. "Berdasarkan pengalaman terabit dalam tanaman cili sejak 2006, masalah utama tanaman adalah untuk menjaga baja dan pengairan yang perlu dilakukan dengan memabitkan kos yang agak tinggi. Jadi, saya mahukan penyelesaian dalam masalah ini. "Hasilnya tahun lalu MDEC membekalkan saya dengan mesin smart fertigasi atau fertigasi pintar ini yang hanya dikawal menerusi telefon pintar selain turut dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) untuk memantau ladang tanpa memabitkan tenaga kerja yang ramai," katanya. **Kawal tanaman dari telefon bimbit** Norhashim berkata, mesin fertigasi bernilai RM16,000 itu bukan saja membolehkan beliau mengawal selia tanaman secara lebih praktikal tetapi dalam masa sama memberi mak-



Pekerja, Mohd Ridzuan Sulaiman, menimbang cili untuk dijual kepada pemborong di Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat, Telok Panglima Garang.

lumut penting tanaman secara berkala setiap hari tanpa memerlukan beliau berada di ladang.

Paling penting katanya, sistem pembajaan dan pengairan hanya digerakkan dari telefon bimbitnya yang disambungkan dengan perisian khusus tanaman di laman web.

"Jika sebelum ini sistem fertigasi atau pembajaan dan siraman tanaman di ladang digerakkan secara manual dengan sekurang-kurangnya tiga pekerja bagi setiap 6,000 polibeg tanaman diperlukan untuk berada di lokasi.

"Semuanya bagi tujuan pemeriksaan paras air tangki, menyukat baja dan membuka atau menutup suis injap bagi bekalan air serta baja, terus kepada tanaman.

"Tetapi mesin smart fertigasi yang saya gunakan ini boleh digerakkan dengan telefon bimbit tidak kira di mana berada walaupun sejauh Afrika Selatan asalkan tempat saya berada mempunyai sambungan internet," katanya.

Teknologi berkenaan juga membolehkan beliau menetapkan waktu pemantauan ladang untuk membolehkannya mendapat notifikasi mengenai maklumat penting tanaman yang akan terus dihantar ke telefon bimbitnya dalam bentuk khidmat pesanan ringkas (SMS) setiap 15 minit sekali.

Antara maklumat berkenaan seperti amaran awal keadaan cuaca, suhu ladang, kadar PH tanah, kelembapan tanah dan kepekatan baja yang diperlukan bergantung kepada keadaan semasa.

"Jika keadaan cuaca panas atau kelembapan tanah kurang pada hari berkenaan saya akan mendapat mesej yang memaklumkan bahawa tanaman memerlukan air atau baja tambahan sebelum saya menghidupkan mesin tanpa perlu ke ladang.

"Malah, proses sukatan baja dan siraman menjadi lebih tepat berbanding jika menggunakan cara manual yang dilakukan tenaga manusia," ka-

tanya yang mampu meraih pulangan bersih sehingga lebih RM20,000 seminggu bagi setiap 6,000 pokok.

Lebih penting lagi, setiap maklumat atau data tanaman disimpan dalam bentuk graf yang akan diterimanya dalam bentuk e-mel menjadikan urusan penyimpanan data ladangnya lebih tersusun dan sistematis sebagai rujukan bagi musim tanaman akan datang.

Malah, menurut Norhashim, beliau kini sedang berusaha menghasilkan sistem semburan racun serangga yang menggunakan teknologi hampir sama, tanpa penggunaan tenaga buruh.

Kejayaan Norhashim yang pernah menerima anugerah Ikon Agropreneur Muda (Kluster Tanaman Fertigasi Peringkat Kebangsaan) MAHA 2018 dan Anugerah Agropreneur Tanaman Terbaik (Sayuran) Selangor Agrofest 2018 itu mendapat perhatian kerana beliau sering menjadi rujukan peladang PPK negeri lain dan pelawat luar negara.

Ladang satelit bantu petani dalam teknologi

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat disifatkan sebagai pelopor dalam mengorak langkah mengadaptasi teknologi moden bukan saja di Selangor tetapi juga di negara ini.

Pengerusi Pertubuhan peladang Negeri (PPN) Selangor, Dr Abdul Razak Khasbullah, berkata petani dan peladang kecil di kawasan berkenaan mula diperkenalkan dengan Internet of Things (IoT) sejak dua tahun lalu apabila memiliki ladang dua hektar yang mengendali tanaman cili secara berkelompok di ladang satelit.

Katanya, kawasan ladang terletak di Kampung Sjangkang, Kuala Langat itu dibangunkan dengan bantuan MDEC bertujuan membantu memberi latihan dan kursus kepada ahli PPK Kuala Langat dalam memajukan tanaman terutama cili.

Ladang satelit

"Ladang satelit ini yang menggunakan teknologi fertigasi pintar membolehkan sembilan peserta dalam satu masa mempelajari sistem tanaman berkenaan dan mengusahakan tanaman cili sehingga selesai musim.

"Selepas berakhirnya musim tanaman selama lima bulan, mereka akan keluar dari ladang satelit untuk mengusahakan tanaman yang dipelajari di tanah milik sendiri atau yang disewa," katanya.

Sering menjadi model bagi kawasan lain, Abdul Razak berkata, kejayaan PPK Kuala Langat bukan saja kerana memiliki pasukan pengurusan yang cekap tetapi turut mempunyai pasukan teknikal yang sentiasa melakukan penyelidikan.

Katanya, paling penting petani dan peladang kawasan berkenaan tidak perlu berusaha payah mencari pasaran kerana Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) yang terletak di Teluk Panglima Garang membolehkan mereka memasarkan produk dan hasil tanaman terus kepada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kuala Langat.

"Ini dapat mengelak petani daripada tertipu dengan orang tengah yang mungkin membeli hasil pada harga rendah dan tidak munasabah.

"Selain itu, mereka boleh memberi lebih tumpuan untuk meningkatkan hasil tanaman yang berkualiti dan berdaya saing," katanya.

Abdul Razak berkata, selain menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai petani muda dan moden di kawasan itu, PPK Kuala Langat juga berusaha memasarkan sendiri produk mereka ke pasaran antarabangsa.

Sebagai permulaan katanya, sejak awal tahun ini, hasil tanaman kawasan berkenaan dieksport ke Arab Saudi dengan memasarkan 11 produk tanaman termasuk cili yang menjadi keluaran utama PPK Kuala Langat.



PPK Kuala Langat berusaha memasarkan sendiri produk mereka ke pasaran antarabangsa"

Abdul Razak Khasbullah,
Pengerusi PPN Selangor

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2019	TENGAH	SINAR	17

Tangani pencerobohan perairan negara

KUANTAN - Kehilangan berbilion ringgit nilai tangkapan ikan di negara ini menunjukkan pencerobohan perairan negara berada di tahap kronik yang memerlukan perhatian serius semua pihak.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, Malaysia berdepan isu dan masalah kekurangan stok hasil laut dan jika isu pencerobohan ini tidak segera ditangani secara holistik, ia akan terus berkurangan.

Menurutnya, antara isu utama yang perlu ditangani adalah ketirisan sumber perikanan membabitkan pencerobohan kapal negara jiran, untuk mengambil sumber perikanan negara.

"Laporan RM6 bilion nilai tangkapan hilang akibat pencerobohan di perairan ini menunjukkan isu ini serius.

"Ini melibatkan kedaulatan negara. Bagaimana kita boleh membiarkan nelayan asing ceroboh perairan kita. Pihak LKIM di setiap negeri perlu memastikan tidak ada lagi sebarang pencerobohan nelayan asing. Kita tidak mahu hanya meminimumkan pencerobohan, tapi mahu menghapuskan terus sebarang bentuk pencerobohan oleh nelayan asing," katanya.

Beliau ditemui media selepas



Muhammad Faiz (kanan) menyampaikan sumbangan kepada ahli Persatuan Nelayan Kuantan di Kompleks LKIM.

menyampaikan bantuan barang dapur kepada 1,151 ahli Persatuan Nelayan Kuantan (PNK) pada Program Penyampaian Bantuan Musim Tengkujuh di Kompleks LKIM Kuantan.

Dalam perkembangan lain Muhammad Faiz menyeru golongan muda untuk menjadi pelapis kepada nelayan sedia ada di negara ini.

Menurutnya, kekurangan golongan muda menceburi industri menangkap ikan menyebabkan nelayan menggajikan awak-awak warga asing.

"Kehadiran awak-awak asing ini menjadi kebimbangan kita kerana jika masalah ini terus berterusan, tidak mustahil industri ini akan dibanjiri oleh mereka suatu hari nanti.

"Kita mahu anak muda lebih

ramai mewarisi pekerjaan ini dan menjadi nelayan moden. Saya paling risau jika negara ini satu hari nanti dikuasai warga asing. Bukan sahaja konteks nelayan tapi juga perindustrian dan perniagaan. Semakin lama semakin dikuasai warga asing. Jika anak muda tidak mahu sahut cabaran jadi nelayan nanti industri ini pun dikuasai warga asing," katanya.

Faiz berkata penglibatan golongan muda juga dilihat dapat membantu meningkatkan hasil tangkapan ikan oleh golongan nelayan.

Bagi tujuan tersebut LKIM bercadang untuk memperbanyakkan pusat latihan kepada anak muda dalam memberi pendedahan menggunakan teknologi baharu secara lebih meluas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2019	METRO AHAD		3

METRO AHAD 27-01-2019 3

Ingin Beras, Ingat **BERAS**

Beras Wangi MARDI

No.1
KELUARAN
BUMIPUTERA

- ✓ 100% Produk Tempatan
- ✓ Tiada Campuran Beras Lain
- ✓ Kandungan Kanji Yang Rendah
- ✓ Setanding Varieti Jasmin
- ✓ Wangian Pandan
- ✓ Lembut & Sedap
- ✓ Sesuai Untuk Nasi Tomato
Nasi Ayam dan Nasi Lemak.

Chef Adu Amran
Duta BERAS
Pancaran Agro Sdn. Bhd.

BERAS www.pancaranagro.com
[pancaranagrosdnbhd](https://www.instagram.com/pancaranagrosdnbhd)

Mutiara Tanah Airku

Tel: 03-78400640 / 03-78325747 / 011-12301249
Emel: pancaran.agro@gmail.com

No. 26, Jalan Musytari AQ U5/AQ,
 Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/1/2019	BERITA HARIAN	DAAR & PENTADBIRAN	6

4 kementerian bincang isu minyak sawit minggu depan

Kuala Lumpur: Empat kementerian akan bermesyuarat minggu depan bagi membincangkan langkah menangani isu boikot minyak sawit oleh Kesatuan Eropah (EU) menjelang 2030.

Menteri Industri Utama, Teresa Kok, berkata selain kementeriannya, turut serta dalam mesyuarat itu ialah Kementerian Pertanian, Kementerian Luar dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Beliau berkata, mesyuarat itu penting kerana tindakan boikot akan memberi implikasi besar pada ekonomi negara lebih-lebih lagi ia sesuatu tindakan tidak adil

terhadap negara.

Tindakan tidak adil

“Kita banyak mengimport termasuk teknologi dari EU tetapi kita hanya eksport minyak sawit kepada mereka. Jadi saya rasa tindakan itu sangat tidak adil,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Program An Abundant Chinese New Year (CNY) Harvest Cooking Show, sempena 8TV CNY Grand Bazar di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad; Ahli Parlimen Petaling Ja-

ya, Maria Chin Abdullah; Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima, Datuk Kamal Khalid; Ketua Pegawai Eksekutif Primeworks Studios, Datuk Ahmad Izham Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima (MPTN), Johan Ishak.

Ketika ini, draf Arahan-Arahan Tenaga Boleh Diperbaharui (RED) EU membenarkan bio bahan api berasaskan tanaman, termasuk minyak sawit, untuk terus digunakan hingga 2030.

Kok berkata, dalam usaha menangani boikot itu, pihaknya turut melancarkan kempen Sayangi Sawitku atau Love My Palm Oil.

Kempen sepanjang tahun itu bertujuan memberi pemahaman kepada masyarakat berhubung kepentingan komoditi dan produk sawit kepada ekonomi negara.

“Apa yang paling penting rakyat Malaysia sebagai pengguna perlu tahu mengenai kebaikan minyak sawit,” katanya.

Tingkat kesedaran rakyat

Industri sawit adalah penyumbang utama hasil negara, yang mana tiga juta orang termasuk 650,000 pekebun kecil meraih pendapatan daripadanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Kok berkata, kempen meningkat-

kan kesedaran masyarakat terhadap minyak sawit akan mendedahkan pelbagai fakta mengenai kebaikan sawit sekali gus menangkis tuduhan palsu daripada kumpulan pelobi antiminyak sawit di negara barat.

Pada majlis itu, Kok bersama Khalid dan Maria turut melakukan demonstrasi masakan menggunakan produk sawit.

Kok turut melancarkan kempen iklan Sayangi Sawit sempena Tahun Baharu Cina. Ia memaparkan Kok, Marina dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di kebun sawit.